

No. 11/2013

11 Mac 2013

KENYATAAN MEDIA

BIASISWA TAJAAN KERAJAAN JEPUN 2014 (MONBUKAGAKUSHO: MEXT)
SARJANA MUDA & IJAZAH LANJUTAN

Kedutaan Jepun di Malaysia dengan sukacitanya mengumumkan bahawa Biasiswa Tajaan Kerajaan Jepun (Monbukagakusho:MEXT) bagi tahun akedamik 2014 untuk program Sarjana Muda (Undergraduate) dan Ijazah Lanjutan (Postgraduate) telah dibuka untuk permohonan bermula sekarang. Rakyat Malaysia yang berkelayakan yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di Jepun adalah dipelawa untuk memohon. Semasa tempoh biasiswa, elaun bulanan anggaran sebanyak 117,000 yen (ang. RM3,900) akan diberikan kepada penerima biasiswa Sarjana Muda, dan 143,000 yen (ang. RM4,700) untuk penerima biasiswa Ijazah Lanjutan (jumlah adalah tertakluk kepada perubahan). Yuran untuk peperiksaan kemasukan universiti, matrikulasi dan tuisyen di universiti adalah dikecualikan. Tiket kapal terbang pergi-balik juga disediakan.

Biasiswa ini dibahagikan kepada dua (2) kategori:

1. Program Sarjana Muda (kursus ijazah sarjana muda 5 – 7 tahun bermula dari April 2014)

- a)** Pemohon mestilah berumur antara 17 hingga 22 tahun pada 1 April 2014 (dilahirkan antara 2 April 1992 dan 1 April 1997)
- b)** Pemohon mestilah tamat SPM atau O-level dan mempunyai sekurang-kurangnya 11 tahun pendidikan formal (TIDAK TERMASUK KELAS PERALIHAN). Pelajar yang sudah tamat STPM, A-level, UEC, Matrikulasi atau Diploma juga boleh memohon dengan keputusan STPM, A-Level, UEC, Martikulasi atau Diploma.
- c)** Pemohon mestilah mahir dalam Bahasa Inggeris dan mempunyai keputusan cemerlang di dalam subjek major yang lain.
- d)** Tarikh tutup permohonan: **17 Mei 2013** (Jummat) sebelum pukul 4 petang

2. Program Ijazah Lanjutan (kursus 1½ tahun atau 2 tahun bermula dari April atau Oktober 2014)

- a)** Pemohon mestilah di bawah umur 35 tahun pada 1 April 2014 (dilahirkan pada atau selepas 2 April 1979).
- b)** Pemohon mestilah mempunyai ijazah sarjana muda atau ijazah sarjana (minima CGPA 3.4) dan mempunyai 16 tahun pendidikan formal (TIDAK TERMASUK KELAS PERALIHAN). Siswazah sarjana muda atau sarjana yang berada di tahun akhir pengajian di universiti juga layak memohon.
- c)** Bagi **kakitangan kerajaan Malaysia** yang ingin memohon, permohonan hendaklah dibuat melalui **Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.jpa.gov.my atau hubungi JPA di talian 03-8885-3555 (Pn. Noor Zahrina) atau 03-8885-3519 (Pn. Raziyani)

- d)** Tarikh tutup permohonan (untuk golongan bukan kakitangan kerajaan): **12 April 2013**
(Jumaat) sebelum pukul 4 petang
Tarikh tutup permohonan (untuk golongan kakitangan kerajaan): **5 April 2013** (Jummat)

Borang permohonan dan garis panduan boleh diambil dari Kedutaan Jepun atau dicetak dari laman web Kedutaan Jepun (www.my.emb-japan.go.jp).

Sila nyatakan permohonan untuk "Sarjana Muda" atau "Ijazah Lanjutan" pada sudut atas kiri sampul surat semasa menghantar permohonan. Pemohon hendaklah memastikan bahawa permohonan yang lengkap dihantar sebelum tarikh tamat permohonan. Permohonan lewat tidak akan dipertimbangkan. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.my.emb-japan.go.jp atau hubungi 03-2177-2600 (ext. 146 [sarjana muda] / 157 [ijazah lanjutan])

Perkhidmatan kaunseling pengajian tinggi di Jepun disediakan di seksyen Japan Information Centre (tingkat atas Kedutaan Jepun) pada hari Selasa, Rabu dan Khamis setiap minggu dari 10 pagi ke 12 tengah hari (kecuali cuti umum). Kedutaan Jepun mempelawa mereka yang berminat untuk membuat sebarang pertanyaan mengenai pembelajaran di Jepun di sini atau melalui talian 03-2177-2600 (ext. 185) pada masa tersebut.

Kuala Lumpur
11 Mac 2013